

13/09/2003

RM156.5 juta susun semula kampung Orang Asli

KERAJAAN terus memberi perhatian kepada masyarakat Orang Asli dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM156.5 juta supaya mereka turut sama menikmati manfaat ekonomi sekali gus meneruskan projek pembangunan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ini termasuk rancangan pengumpulan dan penyusunan semula kampung dan pembangunan aktiviti ekonomi seperti latihan keusahawanan dan kemahiran.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, sebagai langkah menambahkan pendapatan masyarakat Orang Asli, mereka juga diberi kemudahan kredit mikro desa bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti ekonomi termasuk pertanian dan perusahaan kecil.

"Selain itu, mereka juga mendapat kemudahan sewa beli bot dan enjin sangkut di bawah skim pembinaan bot dalam Projek Strategi Baru di samping berpeluang memiliki rumah yang selesa dan mampu dibeli dengan diberi keutamaan memperoleh rumah mesra di bawah skim Syarikat Perumahan Negara Berhad dengan pinjaman yang lebih mudah," katanya.

Katanya, kerajaan juga menyediakan bantuan persekolahan seperti pakaian seragam, buku teks dan tambang bas sekolah kepada anak-anak Orang Asli.